

30/07/2004

Dua negara biayai rel Trans Asia

By Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Projek Landasan Kereta Api Trans Asia Singapura-Kunming yang dirancang sejak hampir 10 tahun lalu akan dilaksanakan dengan Malaysia mengambil inisiatif bersama Kemboja bagi mendapatkan pembiayaan, terutama kos membina trek di lokasi terputus.

Sehubungan itu, Malaysia akan menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan Kemboja September ini bagi memulakan projek landasan kereta api merentasi lapan negara itu serta menyumbang trek menghubungkan kawasan terputus sejauh 48 kilometer dari sempadan Thailand ke wilayah Kemboja.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia mahu bekerjasama dengan Kemboja mendapatkan sumber kewangan projek besar itu berdasarkan kepentingan dan faedah yang boleh dimanfaatkan kedua-dua negara dan rantau ini.

"Sebelum ini, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pernah berjanji menyumbang landasan kereta api bagi memanfaatkan hubungan darat Singapura-Kuala Lumpur dan Kunming di China. Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang melawat Kemboja akhir Januari lalu juga mengulangi komitmen itu dan kita sedang menguruskan logistik sebelum projek itu dimulakan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media bersama Timbalan Perdana Menteri Kemboja, Hor Namhong selepas Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Kerjasama Ekonomi, Saintifik dan Teknikal Malaysia-Kemboja yang pertama, di sini semalam.

Projek Landasan Kereta Api Trans Asia yang dianggar membabitkan kos hampir RM50 juta, diluluskan dalam Sidang Kemuncak Asean Kelima yang diadakan di Bangkok pada 15 Disember 1995 serta mula diperkatakan sebagai penggerak sektor perdagangan dan ekonomi di rantau ini terutama dengan pembukaan pasaran China.

Projek membabitkan laluan 5,513 kilometer akan merentasi Malaysia, Singapura, Thailand, Kemboja, Laos, Myanmar, Vietnam dan China. Bagaimanapun, Kemboja, Vietnam dan Laos tidak memiliki kemudahan landasan kereta api serta memerlukan dana bagi membiayai projek itu.

Syed Hamid berkata, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy akan ke Kemboja pada September ini bagi menandatangani MoU bersama kerajaan negara itu.

Hor pula berkata, kedua-dua negara bersetuju memulakan langkah pertama dengan membina laluan kereta api sejauh 48 kilometer di Kemboja.

"Kerajaan Malaysia akan menyumbang landasan terpakai bagi menyambung semula kawasan terputus dan kita bersetuju ia dimulakan sekarang," katanya sambil menambah Kemboja turut memiliki satu lagi kawasan terputus yang terletak antara Phnom Penh dan sempadan Vietnam.

Hor berkata, Kerajaan China bersetuju melakukan kajian kesesuaian bagi kawasan terputus kedua di Kemboja sebelum keputusan pelaksanaan dan pembiayaan projek.

Sementara itu, Syed Hamid berkata, Kemboja juga mencadangkan institut kemahiran dibuka di negara itu selain jadual penerbangan kedua-dua negara ditambah bagi faedah sektor pelancongan.

Mengenai kenyataan wakil khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke Myanmar, Tan Sri Razali Ismail, baru-baru ini yang berharap Asean, India dan China meningkatkan usaha membantu membebaskan Aung San Suu Kyi, Syed Hamid berkata, Asean sudah melakukan yang terbaik bagi membebaskan pemimpin prodemokrasi Myanmar itu.

(END)